

PENDAHULUAN

Senarai lampiran berikut disediakan untuk membantu pembayar cukai melapor pendapatan mereka dalam Borang Nyata masing-masing dengan benar, betul dan lengkap.

Dengan pengenalan Sistem Taksir Sendiri mulai Tahun Taksiran 2004 untuk mempermudah dan mempercepatkan pelaksanaan tanggungjawab percukaian masing-masing, Kerajaan telah memberi kepercayaan kepada pembayar cukai individu untuk menaksir dan membayar cukai mereka sendiri.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mengucapkan terima kasih kepada pembayar cukai yang telah melaksanakan tanggungjawab percukaian masing-masing dengan membayar cukai pendapatan yang sepatutnya setiap tahun.

SENARAI LAMPIRAN

Bil.	Perkara	Muka Surat	Ke Lampiran
1.	LAMPIRAN A1 – (i) Pendapatan kasar perniagaan (ii) Perbelanjaan yang dibenarkan (iii) Perbelanjaan yang tidak dibenarkan	2	Klik di sini
2.	LAMPIRAN A1.1 – Peringatan mengenai keperluan menyimpan rekod pelarasan / pengiraan cukai bagi perniagaan	5	Klik di sini
3.	LAMPIRAN B1 – Penerangan mengenai ganjaran	7	Klik di sini
4.	LAMPIRAN B2 – Penerangan mengenai elaun cukai / cukai yang ditanggung oleh majikan	9	Klik di sini
5.	LAMPIRAN B3 – Penerangan mengenai manfaat berupa barangan atau kemudahan yang terbit daripada penggajian	11	Klik di sini
6.	LAMPIRAN B4 – Penerangan mengenai tempat kediaman yang disediakan oleh majikan	16	Klik di sini
7.	LAMPIRAN B5 – Penerangan mengenai pendapatan pampasan	20	Klik di sini
8.	LAMPIRAN C – Kadar pertukaran wang asing	21	Klik di sini
9.	LAMPIRAN D – Kod tuntutan: (i) Perbelanjaan Khas dan Tuntutan Lain (ii) Potongan Selanjutnya (iii) Potongan Dua Kali (iv) Insentif Di Bawah Perenggan 127(3)(b)	23	Klik di sini
10.	LAMPIRAN E – Senarai kod negara untuk pengisian kod bagi Negara di mana seseorang individu bermastautin atau adalah warganegara	35	Klik di sini
11.	LAMPIRAN F – Senarai negara-negara yang telah menandatangani Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK)	38	Klik di sini
12.	LAMPIRAN G – Senarai kod perniagaan untuk membolehkan pengisian kod bagi perniagaan yang dijalankan oleh individu	39	Klik di sini
13.	LAMPIRAN H – Senarai Ketetapan Umum sebagai panduan untuk mengira pendapatan mengikut peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967)	69	Klik di sini

LAMPIRAN A1:

1. Pendapatan Kasar Perniagaan

Perundangan	Perkara
12	Pendapatan kasar perniagaan yang diperoleh daripada Malaysia.
22(2)(a)(i)	Jumlah diterima atau disifatkan sebagai telah diterima dengan cara insurans, tanggung rugi, rekupmen, pulihan, pembayaran ganti atau sebaliknya, berhubung dengan belanja pasti dan perbelanjaan dibenarkan dalam pengiraan pendapatan larasan bagi punca berkenaan.
22(2)(a)(ii)	Jumlah diterima atau disifatkan sebagai telah diterima di bawah kontrak tanggung rugi.
22(2)(b)	Pampasan kerana kehilangan pendapatan daripada punca berkenaan.
24(1)	Hutang perniagaan tempoh semasa atau sebelum yang boleh diambil kira sebagai pendapatan kasar perniagaan.
24(1)(b) & (c)	Hutang yang berbangkit daripada: - perkhidmatan yang diberikan atau akan diberikan; atau - mana-mana harta yang diguna atau dinikmati yang akan diurusniagakan.
24(1A)	Apa-apa jumlah yang diterima daripada mana-mana perkhidmatan yang akan dilakukan atau mana-mana harta yang dinikmati atau diguna yang akan diurusniagakan, sama ada atau tidak terdapat apa-apa hutang berkenaan dengan perkhidmatan atau harta tersebut.
24(2)	Harga pasaran ambilan stok untuk kegunaan sendiri.
30(1)(a)	Hutang lapuk dikutip semula.
30(1)(b)	Peruntukan spesifik hutang ragu yang tidak diperlukan lagi.
30(2)(a)/(b)	Bayaran balik cukai daftar gaji / cukai perolehan.
30(3)	Perbelanjaan pulih seperti yang ditakrif di bawah Jadual 2.
30(4)	Hutang yang dilepaskan di bawah subseksyen 33(1) [termasuk perenggan 33(1)(a), (b) atau (c)]; atau Jadual 3.
-	Pendapatan selain daripada di atas.

2. Perbelanjaan Yang Dibenarkan

Perundangan	Perkara
33(1)	Perbelanjaan dan bayaran yang dibuat dalam menghasilkan pendapatan kasar.
33(1)(a)	Faedah dikenakan untuk pinjaman yang digunakan untuk menjalankan perniagaan, membiayai pembelian aset yang digunakan atau dipegang untuk menghasilkan pendapatan kasar daripada punca berkenaan, terhad kepada subseksyen 33(2).
33(1)(b)	Sewa dibayar untuk tanah atau bangunan yang digunakan untuk menghasilkan pendapatan kasar daripada punca berkenaan.
33(1)(c)	Perbelanjaan pembaikan premis perniagaan, loji, jentera dan lekapan. Perbelanjaan lain seperti: ▪ Perbelanjaan mengganti, memperbaiki dan mengubahsuai alat, perkakas atau benda yang digunakan di mana elaun modal tidak layak dituntut. ▪ Perbelanjaan pengangkutan dan penghantaran.
34(6)(a) / (b)	Cukai daftar gaji / cukai perolehan yang dibayar.
34(6)(c)	Perbelanjaan modal bersamaan dengan amaun yang boleh dibenarkan di bawah Jadual 2.
34(6)(d)	Perbelanjaan menanam semula tanaman (berhubung dengan perusahaan kebun / ladang).
34(6)(e)	Peralatan untuk pekerja kurang upaya, atau belanja pengubahsuaian / penambahbaikan premis perniagaan bagi kemudahan pekerja kurang upaya.
34(6)(f)	Terjemahan atau penerbitan buku yang berkaitan dengan kebudayaan, kesusasteraan, profesional, saintifik atau teknikal yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ke dalam bahasa kebangsaan.

Perundangan	Perkara
34(6)(g)	Perbelanjaan bagi menyediakan kemudahan perpustakaan untuk orang awam dan sumbangan kepada perpustakaan awam, perpustakaan sekolah dan institusi pendidikan tinggi, terhad kepada RM100,000.
34(6)(h)	Perbelanjaan bagi menyediakan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada projek komuniti atau amal yang berhubungkait dengan pendidikan, kesihatan, perumahan, pemeliharaan atau pemuliharaan alam sekitar, peningkatan pendapatan golongan miskin, prasarana serta teknologi maklumat dan komunikasi atau penyelenggaraan bangunan warisan yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan oleh Jabatan Warisan Negara di bawah Akta Warisan Negara 2005 (Akta 645) yang diluluskan oleh Menteri. Di mana potongan telah dibuat di bawah perenggan ini, tiada potongan selanjutnya atas amaun yang sama dibenarkan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
34(6)(i)	Perbelanjaan (bukan perbelanjaan modal) bagi penyediaan dan penyenggaraan pusat penjagaan kanak-kanak untuk manfaat pekerja sendiri.
34(6)(j)	Perbelanjaan dilakukan untuk menubuh atau mengurus kumpulan kebudayaan atau muzikal yang diluluskan oleh Menteri.
34(6)(k)	Perbelanjaan menaja aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan tempatan serta negara-negara asing: ▪ terhad kepada RM300,000 bagi penajaan kesenian, kebudayaan atau warisan negara asing ▪ terhad kepada RM1,000,000 bagi keseluruhan perbelanjaan
34(6)(n)	Perbelanjaan yang dilakukan untuk tujuan menyediakan latihan amali di Malaysia yang berkaitan dengan perniagaan dijalankan, kepada individu bukan pekerja yang bermastautin.
34(7A)	Amaun bayaran balik yang boleh ditolak daripada pendapatan kasar selaras dengan subseksyen 24(1A).
34(8)	Perbelanjaan yang dibenarkan sebagai potongan di bawah seksyen 34 ACP 1967 tidak boleh dibenarkan lagi sebagai potongan atau elaun di bawah seksyen 33 atau Jadual 3 ACP 1967.
-	Perbelanjaan selain daripada di atas.

3. Perbelanjaan Yang Tidak Dibenarkan

Perundangan	Perkara
33(2)	Faedah yang tidak boleh ditolak daripada pendapatan perniagaan.
34(4)	Caruman kepada skim yang diluluskan yang melebihi 19% daripada saraan pekerja.
39(1)(a)	Perbelanjaan peribadi atau domestik dalam apa jua bentuk.
39(1)(b)	Perbelanjaan yang dilakukan tidak kesemuanya dan semata-mata untuk menghasilkan pendapatan kasar. Contoh: ▪ Perbelanjaan sebelum perniagaan bermula atau perbelanjaan untuk menutup perniagaan ▪ Perbelanjaan guaman berhubung dengan pemerolehan aset atau untuk urusan peribadi ▪ Derma ▪ Denda atas kesalahan melanggar undang-undang termasuk denda dan perbelanjaan rayuan cukai pendapatan ▪ Perbelanjaan hadiah (kecuali untuk pekerja sendiri) ▪ Bayaran keahlian kelab dan yuran ahli kelab persendirian ▪ Bayaran untuk pinjaman dan perjanjian agensi ▪ Pembelian aset dan perbelanjaan yang seumpama dengannya ▪ Perbelanjaan lain
39(1)(c)	Modal ditarik balik atau sebarang jumlah digunakan atau bermaksud digunakan sebagai modal.
39(1)(d)	Bayaran kepada kumpulan wang simpanan yang tidak diluluskan.
39(1)(e)	i. Perbelanjaan lombong yang layak (Jadual 2) ii. Perbelanjaan pertanian / hutan yang layak (Jadual 3) iii. Perbelanjaan cari gali yang layak (Jadual 4)
39(1)(f)	Bayaran faedah atau royalti kepada bukan pemastautin tanpa mematuhi seksyen 109.
39(1)(g)	Bayaran lesen atau permit membalak yang dibayar kepada pihak lain selain daripada Kerajaan Negeri.

Perundangan	Perkara
39(1)(i)	Bayaran kontrak yang dibuat tanpa mematuhi seksyen 107A.
39(1)(j)	Bayaran kepada bukan pemastautin tanpa mematuhi seksyen 109B atau 109F.
39(1)(k)	Bayaran sewa kenderaan bukan komersil melebihi RM100,000.
39(1)(l)	Keraian.
39(1)(m)	Perbelanjaan tambang cuti untuk pekerja di dalam atau luar Malaysia.
39(1)(q)	Bayaran kepada bukan pemastautin tanpa mematuhi seksyen 109A.
39(1)(r)	Bayaran yang dibuat oleh seseorang pemastautin kepada suatu syarikat Labuan kecuali sebagaimana ditetapkan oleh Menteri melalui kaedah-kaedah cukai pendapatan.
-	Semua jenis peruntukan (termasuk hutang ragu am) selain daripada peruntukan hutang ragu spesifik.
-	Perbelanjaan profesional berhubung dengan pemerolehan aset tetap atau pelaburan.
-	Pengubahsuaian dan tambahan kepada bangunan.
-	Perbelanjaan selain daripada di atas.



Ambil perhatian perkara-perkara berikut apabila membuat pelarasan. Dokumen dan bukti bertulis perlu disimpan dengan teratur kerana '*onus-of-proof*' atau bukti kesahihan tuntutan sebarang perbelanjaan adalah tanggungjawab pembayar cukai. Sebarang tuntutan / pelarasan yang tidak disokong dengan dokumen yang mencukupi tidak dibenarkan bila auditan cukai dibuat dan penalti mungkin dikenakan.

Berikut adalah perkara-perkara dan dokumen yang perlu disediakan dan disimpan bersama-sama pelarasan pendapatan dan pengiraan cukai.

1. Pelarasan Pendapatan atau Perbelanjaan

Setiap pelarasan hendaklah disokong dengan:

- Analisa pendapatan dan perbelanjaan
- Akaun subsidiari
- Resit / inbois

2. Bayaran kontrak / subkontrak, bayaran komisen, sewa dan lain-lain bayaran khidmat yang dikontrak kepada pemastautin:

- Nama, alamat, nombor kad pengenalan dan amaun yang diterima oleh setiap penerima
- Jenis kontrak / komisen / khidmat
- Jenis aset yang disewa
- Salinan perjanjian / dokumen berkaitan

3. Bayaran kontrak kepada bukan pemastautin (penerimaan oleh kontraktor bukan mastautin - seksyen 107A diguna pakai):

- Nama, jenis, lokasi dan tempoh projek
- Nilai keseluruhan kontrak dan nilai bahagian perkhidmatan kontrak yang dijalankan di Malaysia
- Bayaran kontrak dan bahagian perkhidmatan kontrak dalam tahun taksiran semasa
- Nama, alamat, nombor rujukan cukai atau nombor pasport kontraktor asing
- Salinan perjanjian / dokumen berkaitan

4. Bayaran fi mengurus ('management fee') kepada penerima mastautin:

- Nama, alamat, nombor kad pengenalan dan amaun yang dibayar
- Pertalian antara syarikat dengan penerima jika ada
- Asas bayaran
- Perjanjian perkhidmatan atau dokumen berkaitan

5. Bayaran / fi bagi khidmat profesional atau teknikal atau pengurusan dan sewa kepada bukan pemastautin (pendapatan seksyen 4A):

a) Bayaran / Fi professional, teknikal atau pengurusan

- Jenis perkhidmatan yang diberikan
- Nama, alamat, nombor rujukan cukai dan nombor passport kontraktor asing serta jumlah bayaran
- Jika keseluruhan atau sebahagian daripada bayaran tidak dianggap pendapatan di bawah seksyen 4A, sediakan alasan dan simpan salinan perjanjian
- Bukti bayaran cukai pegangan

b) Bayaran sewa bagi harta alih

- Jenis harta alih
- Nama, alamat, nombor rujukan cukai dan nombor passport kontraktor asing serta jumlah bayaran
- Jika bayaran tidak tertakluk kepada cukai pegangan, sediakan maklumat sokongan
- Bukti bayaran cukai pegangan
- Salinan perjanjian sewa / dokumen berkaitan

6. Perjalanan ke luar negara:

- Nama, jawatan dan bidang tugas kakitangan yang terlibat
- Tarikh, tempat dan tujuan lawatan
- Analisis perbelanjaan dengan mengasingkan bahagian perbelanjaan peribadi

7. Perniagaan Pemaju Perumahan:

- Nama, alamat dan lokasi projek
- Pelan susun atur ('layout plan') yang diluluskan
- Tarikh mula dan tarikh siap setiap fasa projek
- Kos tanah dan nilai setiap fasa projek
- Analisis kos pembangunan terkumpul setiap fasa bagi setiap tahun taksiran
- Pengiraan untung atau rugi mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Ketetapan Umum No. 1/2009 (Pemajuan Harta), Ketetapan Umum No. 2/2009 (Kontrak Pembinaan) dan Ketetapan Umum No. 12/2013 (Kontraktor dan Pemaju Penyelamat).

8. Ketetapan umum, warta kerajaan dan garis panduan:

- Ketetapan Umum
Rujukan: Portal Rasmi LHDNM > Laman Utama > Perundangan > Ketetapan Umum
- Garis Panduan Teknikal
Rujukan: Portal Rasmi LHDNM > Laman Utama > Perundangan > Garis Panduan Teknikal
- Garis Panduan Operasi
Rujukan: Portal Rasmi LHDNM > Laman Utama > Perundangan > Garis Panduan Operasi



A. Ganjaran

Ganjaran merupakan sejumlah wang yang diterima semasa persaraan / tamat kontrak dan dianggap sebagai hadiah untuk perkhidmatan yang lalu. Semua ganjaran dikenakan cukai **kecuali** ganjaran yang disenaraikan di **C**. Rujuk Ketetapan Umum No. 9/2016 (dikeluarkan pada 23 November 2016).

B. Ganjaran Yang Dikecualikan Sebahagian

Mengikut perenggan 25D Jadual 6 ACP 1967 yang berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran 2016, seseorang pekerja yang menerima wang sebagai ganjaran:

- i) apabila bersara daripada suatu penggajian; atau
- ii) atas pemberhentian suatu kontrak penggajian

selain daripada ganjaran yang layak pengecualian di **C**, adalah layak mendapat pengecualian sebanyak **RM1,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan**. Baki ganjaran selepas mengambil kira pengecualian sebahagian tersebut akan **dikenakan cukai dalam tahun ia diterima** [subseksyen 25(1) ACP 1967]. Bagi tujuan pengiraan pengecualian sebahagian, tempoh penggajian dengan syarikat-syarikat lain dalam kumpulan yang sama **TIDAK DIANGGAP** sebagai tempoh penggajian dengan majikan yang sama.

Contoh:

Seorang pekerja bersara apabila mencapai umur 55 tahun iaitu umur wajib bersara mengikut kontrak penggajiannya dan telah menerima sejumlah wang sebagai ganjaran semasa persaraannya.

B1. Tempoh perkhidmatan:	
i) Tarikh mula	01.04.2016
ii) Tarikh tamat	30.06.2025
iii) Bilangan tahun genap perkhidmatan	9 tahun
B2. Jumlah ganjaran	RM108,000
B3. Amaun dikecualikan	RM1,000 x 9 = RM9,000
B4. Ganjaran kena cukai *	RM108,000 – RM9,000 = RM99,000 (Tahun Taksiran 2025)

* Pindahkan amaun B4 ke ruang A2, Helaian Kerja HK-2

C. Ganjaran Yang Dikecualikan Dari Cukai Pendapatan

1. Ganjaran persaraan	a) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa persaraan daripada penggajian itu disebabkan gangguan kesihatan; Atau b) Persaraan itu berlaku pada atau selepas mencapai umur 55 tahun atau mencapai umur wajib bersara daripada penggajiannya dan telah berkhidmat berturutan selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat di dalam kumpulan yang sama; Atau c) Persaraan itu berlaku apabila mencapai umur persaraan wajib mengikut kontrak pekerjaan atau perjanjian kolektif pada umur 50 tahun tetapi sebelum 55 tahun dan telah berkhidmat selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.
-----------------------	---

2. Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam	Ganjaran yang dibayar kepada pekerja daripada kumpulan wang awam apabila bersara daripada penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis
3. Ganjaran yang dibayar kepada pegawai kontrak	Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam kepada pegawai kontrak apabila tamat kontrak penggajiannya tidak kira sama ada kontraknya diperbaharui ataupun tidak.
4. Ganjaran kematian	Wang yang diterima sebagai ganjaran kematian.



Elaun cukai / Cukai ditanggung oleh majikan

Cukai pendapatan seseorang pekerja yang ditanggung oleh majikannya adalah ELAUN CUKAI yang dikenakan cukai di bawah peruntukan perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Cara mengambil kira elaun ini berbeza bagi penggajian yang berterusan dengan penggajian yang ditamatkan dalam sesuatu Tahun Taksiran.

Rujuk **Ketetapan Umum No. 3/2024** (dikeluarkan pada 10 Disember 2024).

Penggajian yang berterusan

Cukai yang ditanggung oleh majikan atas pendapatan bagi sesuatu Tahun Taksiran diambil kira sebagai elaun cukai dalam Tahun Taksiran berikutnya. Cukai yang dibayar oleh majikan bagi penggajian tahun 2024 (Tahun Taksiran 2024) akan diambil kira sebagai elaun cukai bagi tahun 2025 (Tahun Taksiran 2025) kerana jumlah cukai yang kena dibayar bagi Tahun Taksiran 2024 ditentukan dalam tahun 2025.

Contoh 1:

Gaji bagi tempoh 01.01.2024 hingga 31.12.2024 adalah RM150,000

Pembayar cukai bujang dan layak menuntut pelepasan diri dan saudara tanggungan sahaja.

Pengiraan cukai bagi Tahun Taksiran 2024 untuk menentukan elaun cukai bagi Tahun Taksiran 2025

	RM
Pendapatan tahun 2024	150,000
Tolak: Pelepasan diri dan saudara tanggungan	9,000
Pendapatan Kena Cukai	<u>141,000</u>
Cukai atas RM100,000 yang pertama	9,400.00
Cukai atas baki RM 41,000 @ 25%	<u>10,250.00</u>
Cukai dikenakan	<u>19,650.00 (A)</u>

Cukai bagi Tahun Taksiran 2024 dibangkitkan pada 30.04.2025 dan dibayar oleh majikan. Cukai sebanyak RM19,650.00 adalah elaun cukai yang diambil kira sebagai pendapatan bagi tahun 2025.

Pindahkan amaun A ke ruang A3 Helaian Kerja HK-2.

Cukai tambahan yang dibangkitkan bagi sesuatu Tahun Taksiran diambil kira dalam Tahun Taksiran di mana notis taksiran tambahan dikeluarkan. Sebagai contoh, bagi pendapatan tambahan untuk Tahun Taksiran 2023 di mana notis taksiran tambahan dikeluarkan dalam tahun 2025, cukai bagi taksiran tambahan ini adalah elaun cukai bagi Tahun Taksiran 2025.

Contoh 2:

Pendapatan tahun 2024 termasuk elaun cukai [Tahun Taksiran (asal) 2024]	-	RM150,000
Pendapatan bagi Tahun Taksiran 2023 adalah:		
Pendapatan asal tahun 2023	-	RM120,000
Pendapatan tambahan tahun 2023	-	RM 30,000

Pengiraan cukai bagi Tahun Taksiran 2023 untuk menentukan elaun cukai bagi tahun 2025 kerana notis taksiran tambahan 2023 dikeluarkan dalam tahun 2025 (pada 30.06. 2025)

	RM
Pendapatan asal tahun 2023	120,000
Pendapatan tambahan tahun 2023	<u>30,000</u>
Jumlah	150,000
Tolak: Pelepasan Diri	9,000
	<u>141,000</u>
Cukai atas RM100,000 yang pertama	10,700.00
Cukai atas baki RM 41,000 @ 25%	<u>9,840.00</u>
Jumlah	20,540.00
Cukai ditaksir dahulu	<u>14,540.00</u>
Cukai tambahan	<u>6,000.00 (B)</u>

Elaun cukai bagi Tahun Taksiran 2025 ialah:

Cukai tahun 2024	19,650.00	(A)
Cukai tambahan 2023 (taksiran tambahan)	6,000.00	(B)
Jumlah	<u>26,650.00</u>	(C)

Pindahkan amaun C ke ruang A3 Helaian Kerja HK-2.

Penggajian Yang Ditamatkan

Bagi penggajian yang ditamatkan dalam atau di akhir sesuatu tahun taksiran, cukai untuk dua tahun taksiran diambil kira dalam tahun taksiran tersebut. Sebagai contoh, seorang pekerja asing yang tamat tempoh penggajiannya pada 30.06.2025, elaun cukai bagi Tahun Taksiran 2025 ialah jumlah cukai bagi Tahun-tahun Taksiran 2024 dan 2025.

Contoh 3:

Pendapatan tahun 2024 adalah seperti **contoh 1**.

Pendapatan tahun 2025 adalah RM70,000.

Pengiraan cukai Tahun Taksiran 2025

	RM	
Pendapatan tahun 2025	70,000	
Elaun cukai (Tahun Taksiran 2024)	<u>19,650</u>	
Jumlah	89,650	
Tolak: Pelepasan diri dan saudara tanggungan	<u>9,000</u>	
	80,650	
Cukai atas RM70,000 yang pertama	:	3,700.00
Cukai atas baki RM 10,650 @ 19%	:	<u>2,023.50</u>
Cukai dikenakan	:	<u>5,723.50</u> (D)

Elaun cukai bagi Tahun Taksiran 2025 ialah:

Amaun A (daripada Contoh 1)	19,650.00
Amaun D (daripada Contoh 3)	<u>5,723.50</u>
Jumlah	<u>25,373.50</u>

Pindahkan amaun ini ke ruang A3 Helaian Kerja HK-2.



MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB)

- (i) MBB adalah manfaat yang tidak boleh ditukar kepada wang. Ianya disediakan bagi pekerja oleh majikannya / bagi pihak majikannya untuk dinikmati secara peribadi oleh pekerja tersebut, isteri, keluarga, orang gaji, tanggungan-tanggungan atau tetamu-tetamu pekerja.
- (ii) Majikan dikehendaki melaporkan kesemua nilai MBB yang diperuntukkan kepada pekerja dalam Penyata Saraan Daripada Penggajian (Borang EA / EC) dan Penyata Oleh Majikan (Borang E).
- (iii) Nilai MBB yang ditentukan berdasarkan **Ketetapan Umum No. 11/2019** akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada punca penggajian seseorang pekerja.

PENENTUAN NILAI MBB

- (i) Terdapat dua kaedah yang boleh digunakan bagi menentukan nilai MBB iaitu:-
 - (a) kaedah nilai ditetapkan; dan
 - (b) kaedah formula.
- (ii) Tidak kira kaedah mana yang digunakan dalam menentukan nilai manfaat yang disediakan, asas untuk mengira manfaat mestilah digunakan secara konsisten sepanjang tempoh peruntukan manfaat tersebut.
- (iii) Dalam semua keadaan, di mana kemudahan kereta dan / atau petrol diperuntukkan kepada pekerja, majikan mestilah melaporkan dalam Penyata Saraan Daripada Penggajian; jenis, tahun buatan, model kereta dan tarikh sebenar kereta yang diperuntukkan.
- (iv) Tol yang dibayar oleh majikan dianggap telah dimasukkan dalam nilai MBB bagi kereta. Kos penyelenggaraan seperti servis, pembaikan, cukai jalan tahunan dan premium insurans tahunan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada manfaat pekerja.

A. KAEDAH NILAI DITETAPKAN

1. Nilai MBB berdasarkan kaedah nilai ditetapkan boleh dikurangkan jika MBB itu:-

- (i) disediakan bagi tempoh kurang daripada setahun; atau / dan
- (ii) dikongsi dengan pekerja lain.

Di bawah kaedah nilai ditetapkan, tiada pengurangan diberi bagi kegunaan perniagaan untuk MBB yang disediakan untuk pekerja.

2. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK KERETA

- (i) Penilaian manfaat kegunaan persendirian kereta dan petrol hendaklah berdasarkan kepada jadual berikut:

Kos Kereta (Baharu)	Manfaat Setahun		Kos Kereta (Baharu)	Manfaat Setahun	
	Kereta RM	Petrol RM		Kereta RM	Petrol RM
Sehingga 50,000	1,200	600	200,001 - 250,000	9,000	2,100
50,001 - 75,000	2,400	900	250,001 - 350,000	15,000	2,400
75,001 - 100,000	3,600	1,200	350,001 - 500,000	21,250	2,700
100,001 - 150,000	5,000	1,500	500,001 dan ke atas	25,000	3,000
150,001 - 200,000	7,000	1,800			

- (ii) Di bawah kaedah ini, penilaian bagi manfaat akan berasaskan kos kereta iaitu harga sebenar termasuk aksesori tetapi tidak termasuk kenaan kewangan, premium insurans dan cukai jalan pada masa kereta tersebut baharu. Layanan ini juga terpakai bagi kereta terpakai dan kereta pajak / sewa. 'Baharu' berhubung dengan kereta bermaksud kereta termasuk kereta terpakai (*reconditioned*) yang pertama kali didaftarkan di Malaysia.

Contoh 1:

Pekerja A telah diperuntukkan oleh majikannya dengan sebuah kereta baharu yang dipajak daripada sebuah syarikat pajakan. Majikan membayar sewa pajakan sebanyak RM3,000 sebulan selama 48 bulan. Kos kereta tersebut apabila baharu ialah RM90,000.

Nilai tahunan MBB yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian ialah RM3,600. Bayaran untuk sewa pajakan tidak diambil kira.

- (iii) Nilai tahunan MBB bagi kereta boleh dikurangkan kepada separuh (1/2) daripada nilai yang ditetapkan sekiranya usia kereta yang diperuntukkan telah melebihi lima (5) tahun.

3. PEMANDU DIPERUNTUKKAN

Di mana pemandu diperuntukkan, nilai manfaat yang ditetapkan ialah RM600 sebulan. Dalam kes di mana pemandu tersebut adalah dari sekumpulan pemandu '*pool*' yang diperuntukkan oleh majikan hanya bagi tujuan perniagaan, tiada nilai manfaat akan dikenakan ke atas pekerja tersebut.

4. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK KELENGKAPAN RUMAH, PERKAKAS DAN PERLENGKAPAN

- (i) Untuk mengelakkan perkiraan terperinci, sila gunakan jadual berikut untuk menentukan kelengkapan rumah, perkakas dan peralatan lain:

Kategori	Jenis Manfaat	Nilai BKK yang ditetapkan setahun (RM)
(a)	Separuh lengkap dengan perabot di ruang tamu, bilik makan dan bilik tidur.	840
(b)	Separuh lengkap dengan perabot seperti di 4(i)(a) di atas dan satu atau lebih kelengkapan berikut:- ▪ penyaman udara ▪ kain langsir dan seumpamanya ▪ permaidani	1,680
(c)	Lengkap sepenuhnya seperti di 4(i)(a) dan 4(i)(b) di atas serta satu atau lebih daripada perkakas dapur atau pinggan mangkuk atau peralatan dan perkakas-perkakas.	3,360
(d)	Kemudahan bayaran perkhidmatan dan bil lain-lain seperti bil air dan elektrik.	Nilai perkhidmatan dan bil lain-lain yang dibayar oleh majikan

- (ii) Nilai manfaat boleh dilaraskan dengan merujuk kepada sama ada salah satu atau semua jenis kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan di atas yang diperuntukan. Oleh itu seseorang pekerja yang telah diperuntukkan dengan semua kelengkapan kecuali kelengkapan dalam perenggan 4(i)(a), akan ditaksir atas nilai MBB sebanyak RM2,250 (RM3,360 – RM840).
- (iii) Nilai manfaat boleh juga dilaraskan bersesuaian dengan merujuk kepada tempoh kemudahan tersebut diperuntukkan. Sekiranya seorang pekerja diperuntukkan dengan kelengkapan 4(i)(a) mulai dari 01.04.2025 maka jumlah MBB yang ditaksir untuk Tahun Taksiran 2025 adalah untuk tempoh 01.04.2025 – 31.12.2025 iaitu sebanyak RM630 (RM840 x 9/12).
- (iv) Pelarasan juga boleh dibuat ke atas nilai MBB ini jika kelengkapan / perkakas / perlengkapan dikongsi bersama dengan pekerja lain.

Contoh 2:

Fakta kes sama seperti yang diberikan di 4(iii) di atas tetapi pekerja tersebut dikehendaki berkongsi manfaat yang diperuntukkan kepadanya bersama pekerja lain, maka nilai MBB bagi kemudahan ini untuk Tahun Taksiran 2025 ialah RM315 (RM630 x ½)

- (v) Kipas angin dan pemanas air tidak diambil kira kerana kelengkapan tersebut dianggap sebagai sebahagian daripada premis kediaman.

5. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK MANFAAT LAIN

Butiran	Jenis MBB	Nilai MBB setahun
(a)	Tukang kebun	RM3,600 seorang tukang kebun
(b)	Pembantu rumah	RM4,800 seorang pembantu rumah
(c)	Keahlian kelab rekreasi: Jenis keahlian – Korporat	(i) Fi kemasukan – tidak dikenakan cukai (ii) Yuran keahlian bulanan / tahunan sebagai keahlian kelab yang dibayar oleh majikan bagi pekerja dicukai atas nilai yang ditetapkan
	Nota: Jenis keahlian – Individu (1) Fi kemasukan (2) Yuran keahlian bulanan / tahunan (3) Keahlian berpenggal	Amaun dibayar atau 'reimbursed' oleh majikan dicukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967

B. KAEDAH FORMULA

- Nilai MBB berdasarkan kaedah formula boleh dikurangkan jika MBB itu:-
 - disediakan bagi tempoh kurang dari setahun; atau / dan
 - dikongsi dengan pekerja lain; atau / dan
 - digunakan bagi tujuan perniagaan majikan.

2. Di bawah kaedah ini, setiap manfaat yang disediakan untuk pekerja dikira mengikut formula berikut:

$$\frac{\text{Kos * aset yang diperuntukkan sebagai manfaat / kemudahan}}{\text{Purata jangka hayat* aset yang ditetapkan}} = \text{Nilai tahunan manfaat}$$

* Nota:

- (i) 'Kos' di sini bermaksud kos sebenar yang dilakukan oleh majikan.
- (ii) 'Purata jangka hayat' seperti dalam perenggan B5 hendaklah diguna pakai bagi mana-mana manfaat / kemudahan yang disediakan tanpa mengambil kira sama ada aset yang terlibat adalah lama atau baharu.

3. Kereta dan manfaat lain yang berkaitan dengannya

- (i) Pengurangan 20% diberikan dianggap sebagai nilai kereta pada masa ianya dipulangkan kepada majikan oleh pekerja dan formula berhubung dengan MBB tersebut dikira seperti berikut:-

$$\frac{\text{Kos kereta}}{8 \text{ (Purata Jangka Hayat Ditetapkan)}} \times 80\% = \text{Nilai tahunan manfaat kereta}$$

- (ii) Di bawah kaedah ini, pengurangan nilai tahunan MBB atas kereta TIDAK TERPAKAI bagi usia kereta yang diperuntukkan melebihi 5 tahun.
- (iii) Walau bagaimanapun, pengurangan pada nilai bagi manfaat boleh dibuat sekiranya pekerja perlu membayar sejumlah wang kepada majikan untuk manfaat yang diperuntukkan.

Contoh 3:

Pekerja B diperuntukkan dengan kereta terpakai berusia 3 tahun yang dibeli oleh majikannya dengan harga RM180,000 bersama dengan kemudahan petrol percuma. Kos kereta tersebut apabila baru ialah RM206,000.

Nilai tahunan MBB bagi kereta untuk Tahun Taksiran 2025 dikira seperti berikut:

Jenis MBB	Berasaskan kaedah formula RM	Berasaskan kaedah nilai ditetapkan RM
Kereta	$\frac{180,000}{8} \times 80\% = 18,000$	9,000

Nilai manfaat bagi kereta yang dikenakan cukai adalah:

- RM18,000 berasaskan kaedah formula; atau
- RM9,000 berasaskan kaedah nilai ditetapkan.

4. ASET-ASET LAIN

Aset-aset lain yang disediakan kepada pekerja bagi keraian, rekreasi atau untuk tujuan lain contohnya seperti piano, organ, televisyen, set stereo, kolam renang dan lain-lain akan dikira sebagai manfaat tambahan dan mesti dicukai secara berasingan berdasarkan formula.

5. PURATA JANGKA HAYAT ASET YANG DITETAPKAN BAGI BERBAGAI ASET YANG DISEDIAKAN KEPADA PEKERJA OLEH MAJIKAN

Butiran	Aset	Purata Jangka Hayat (Tahun)
(a)	Kereta	8
(b)	Kelengkapan perabot: Kain langsir dan permaidani Perabot, mesin jahit Penyaman udara Peti sejuk	5 15 8 10
(c)	Perkakas dapur: (Pinggan mangkuk, periuk nasi, cerek elektrik, pembakar roti, pembuat kopi, dapur gas, <i>cooker hood</i> , <i>oven</i> , pembasuh pinggan, mesin basuh, pengering kain, alat memproses makanan)	6
(d)	Hiburan dan rekreasi: Piano Organ TV, perakam video, <i>CD/ DVD player</i> , set stereo, Kolam renang (yang boleh dipisahkan), sauna	20 10 7 15
(e)	Pelbagai	5

C. NILAI MANFAAT PETROL PERCUMA *

Manfaat petrol percuma, sama ada dalam bentuk kad petrol yang diberikan oleh majikan atau bil petrol yang dibayar oleh majikan, merupakan manfaat berupa barangan yang diterima oleh pekerja berhubung dengan penggajiannya.

1. Sekiranya majikan dapat menentukan nilai sebenar petrol yang digunakan oleh pekerja bagi perjalanan dari rumah ke tempat kerja dan dari tempat kerja ke rumah atau bagi melaksanakan pekerjaan, maka amaun yang dikecualikan adalah seperti berikut:
 - (i) Terhadap kepada **RM2,400 setahun** mulai **Tahun Taksiran 2008 sehingga 2010** bagi perjalanan dari rumah ke tempat kerja dan dari tempat kerja ke rumah; dan
 - (ii) Terhadap kepada **RM6,000 setahun** bagi perjalanan melaksanakan pekerjaan. Sekiranya pekerja B menyimpan rekod lengkap berhubung dengan perjalanan bagi melaksanakan pekerjaan, maka beliau layak menuntut amaun sebenar yang dibelanjakan sebagai potongan dalam mengira pendapatan daripada penggajian. Rekod berkaitan dengan potongan selanjutnya dan amaun yang dikecualikan hendaklah disimpan untuk tempoh tujuh (7) tahun bagi tujuan semakan oleh LHDNM.
2. Sekiranya majikan tidak dapat menentukan nilai sebenar petrol yang diberikan kepadanya untuk perjalanan antara rumah dan tempat kerja dan / atau amaun nilai petrol yang diberikan untuk perjalanan bagi melaksanakan pekerjaan, maka amaun dikecualikan adalah terhadap kepada **RM6,000 setahun**.
3. Mulai Tahun Taksiran 2008, sekiranya pekerja menikmati manfaat kereta dengan petrol percuma, pekerja diberi pilihan untuk menentukan amaun petrol percuma yang dikenakan cukai mengikut:
 - (i) nilai yang ditetapkan untuk petrol seperti di **ruangan A2(i)** tanpa pengecualian diberikan; atau
 - (ii) nilai sebenar amaun perbelanjaan petrol yang dilakukan oleh majikan dengan mendapat pengecualian bagi amaun petrol yang digunakan seperti **ruang C(i)** atau **C(ii)**. Pengecualian tidak terpakai ke atas manfaat kereta. Nilai manfaat kereta yang dikenakan cukai ditentukan berasaskan Kaedah Formula atau Kaedah Nilai Yang Ditetapkan.

D. MANFAAT YANG DIKECUALIKAN*

* 1. Manfaat perubatan

Mulai Tahun Taksiran 2008, manfaat rawatan perubatan yang dikecualikan cukai adalah berkaitan dengan perubatan moden, perubatan tradisional dan materniti. Perubatan tradisional bermaksud Perubatan Tradisional Melayu, Cina dan India yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan badan yang diperakui atau didaftarkan mengikut peraturan yang mengawal perubatan tradisional seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Contoh: Urutan tradisional Melayu, *ayurvedic* atau akupunktur. Perubatan komplementari dan homeopati seperti aromaterapi, refleksologi, spa dan urutan tradisional Thai TIDAK TERMASUK dalam pengecualian ini.

2. Manfaat pergigian

3. Manfaat penjagaan anak

4. Tambang percutian (pengecualian ke atas manfaat ini hanya terpakai jika ia diperuntukkan kepada pekerja dan ahli keluarganya yang terdekat iaitu suami / isteri dan anak):

- (i) dalam Malaysia (termasuk kos tambang, perbelanjaan penginapan dan makanan) tidak melebihi 3 kali dalam satu tahun kalendar; atau
- (ii) luar Malaysian tidak melebihi sekali dalam mana-mana tahun kalendar, terhadap kepada RM3,000 (kos tambang sahaja);

5. Manfaat yang digunakan oleh pekerja semata-mata untuk menjalankan tugas-tugasnya;

* 6. Barangan yang merupakan produk-produk perniagaan majikan yang boleh digunakan termasuk barangan yang dikeluarkan oleh majikan atau barangan yang merupakan stok dagangan majikan yang diberi secara percuma (diskaun penuh) atau diberi pada harga diskaun sebahagiannya kepada pekerja termasuklah kepada pasangan, anak-anak yang belum berkahwin, keluarga, orang gaji, tanggungan atau tetamu pekerja. Nilai diskaun ke atas produk akan dikecualikan sehingga maksimum RM1,000. Sekiranya nilai diskaun melebihi RM1,000, hanya amaun yang melebihi RM1,000 akan dikenakan cukai. Harga diskaun tersebut tidak dikenakan cukai sekiranya:

- (i) tidak boleh ditukar kepada wang (tidak boleh dijual, diserahkan hak atau dipindahkan) oleh pekerja berkenaan walaupun ianya mempunyai nilai wang;
- (ii) Mesti untuk manfaat pekerja dan digunakan oleh pekerja secara peribadi; dan
- (iii) Disediakan kepada pekerja secara umum dan tidak diperuntukkan secara khusus kepada kumpulan tertentu sahaja.

Nilai barangan adalah berdasarkan harga jualan. Manfaat yang diterima oleh pekerja daripada syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama dengan majikannya adalah tidak dikecualikan cukai;

* 7. Perkhidmatan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskaun kepada pekerja termasuklah kepada pasangan, anak-anak yang belum berkahwin, keluarga, orang gaji, tanggungan atau tetamu pekerja. Nilai perkhidmatan adalah berdasarkan bayaran perkhidmatan biasa yang dikenakan kepada pelanggan. Manfaat yang diterima oleh pekerja daripada syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama dengan majikannya adalah tidak dikecualikan cukai;

8. Makanan dan minuman yang disediakan percuma;
9. Pengangkutan percuma dari perhentian tertentu atau rumah ke tempat kerja (pergi / balik);
10. Premium insurans yang wajib dibayar untuk pekerja-pekerja asing sebagai gantian kepada sumbangan PERKESO;
11. Premium insurans berkelompok untuk melindungi pekerja-pekerja sekiranya berlaku kemalangan.
- * 12. Telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui dan pembantu digital peribadi (PDA) yang didaftarkan atas nama pekerja atau majikan adalah dikecualikan sepenuhnya (termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan). Pengecualian adalah terhad kepada satu unit bagi setiap kategori aset.
- * 13. Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA dan langganan jalur lebar (termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan) yang didaftar atas nama pekerja atau majikan. Pengecualian adalah terhad kepada satu talian bagi setiap kategori aset.

*** NOTA:**

Pengecualian cukai di atas tidak terpakai jika pekerja yang menerima manfaat berupa barangan yang layak pengecualian itu mempunyai kawalan ke atas majikannya. Oleh itu manfaat yang diterima oleh pekerja itu merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar penggajiannya dan dikenakan cukai di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967.

'Kawalan ke atas majikan' bermaksud

- (i) bagi suatu syarikat, kuasa bagi seseorang pekerja untuk mengawal adalah melalui pemegangan saham atau pemilikan kuasa mengundi dalam atau berkenaan syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, atau atas sebab apa-apa kuasa yang diberikan melalui perkara-perkara persatuan atau apa-apa dokumen lain yang mengawal selia syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, bahawa urusan syarikat yang pertama disebut itu dijalankan menurut kehendak pekerja itu;
- (ii) bagi suatu perkongsian, pekerja itu merupakan rakan kongsi majikan itu; atau
- (iii) bagi pemilik tunggal, pekerja dan majikan itu adalah orang yang sama.



PENGIRAAN BAGI MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN

Jika majikan menyediakan tempat tinggal / kediaman bagi pekerjaanya, manfaat nilai tempat kediaman yang ditentukan akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada punca penggajian seseorang pekerja di bawah perenggan 13(1)(c) ACP 1967.

Mulai Tahun Taksiran 2009, bagi tujuan menentukan nilai manfaat tempat kediaman, pendapatan kasar pekerja di bawah perenggan 13(1)(a) **TIDAK TERMASUK** amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat.

Rujuk **Ketetapan Umum No. 3/2005** dan **Tambahan** (dikeluarkan pada 11 Ogos 2005 dan 5 Februari 2009) untuk pengiraan.

Nilai premis kediaman telah ditetapkan seperti berikut:

- i. **Kategori 1** - 3% x pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) **TIDAK TERMASUK** amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat *
- ii. **Kategori 2** - 30% x pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) **TIDAK TERMASUK** amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat *
ATAU nilai tertentu, yang mana lebih rendah
- iii. **Kategori 3** - Nilai tertentu

Untuk contoh-contoh di bawah ini:-

* Pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) TIDAK TERMASUK amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat	=	T
Nilai premis kediaman	=	Z
Tempoh penghunian diperuntukkan	=	n
Tempoh penggajian	=	N
Bahagian diperuntukkan	=	X
Bahagian keseluruhan	=	Y
** Nilai tertentu (rujuk nota di muka surat 19)	=	F

KATEGORI 1: Premis kediaman bagi pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan / Badan Berkanun) / pengarah urusan:-

- Di hotel, asrama atau premis yang serupa; atau
- Premis di lading, hutan atau di kawasan yang tidak dikadarkan (di luar kawasan pihak majlis tempatan).

Nilai premis kediaman	=	3%	x	Pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) TIDAK TERMASUK amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat *
------------------------------	---	-----------	---	--

Contoh 1:

- Pendapatan kasar penggajian *	RM36,000	(T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan	12 bulan	(n)
- Tempoh penggajian dalam tempoh semasa	12 bulan	(m)

Pengiraan nilai premis kediaman:

$$\begin{aligned}
 \text{Nilai premis kediaman (Z)} &= 3\% \times T \times n/m \\
 &= 3/100 \times 36,000 \times 12/12 \\
 &= \text{RM1,080}
 \end{aligned}$$

Pendapatan kena cukai bagi manfaat nilai premis kediaman (**Z**) = RM1,080

(Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2)

Contoh 2:

Jika premis kediaman disediakan **kurang dari 12 bulan dalam satu tahun**, pengiraan nilai premis kediaman akan dikira berasaskan tempoh premis kediaman disediakan.

- Pendapatan kasar penggajian *	RM150,000	(T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan	7 bulan	(n)
- Tempoh penggajian dalam tempoh semasa	9 bulan	(m)

Pengiraan nilai premis kediaman:

$$\begin{aligned}
 \text{Nilai premis kediaman (Z)} &= 3\% \times T \times n/m \\
 &= 3/100 \times 150,000 \times 7/9 \\
 &= \text{RM3,500}
 \end{aligned}$$

Pendapatan kena cukai bagi manfaat nilai premis kediaman (Z) = RM3,500

(Pindahkan Amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2)

KATEGORI 2: Premis Kediaman bagi seorang pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan / Badan Berkanun) atau pengarah urusan

Nilai premis kediaman = 30% x Pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) TIDAK TERMASUK amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat * Atau Nilai tertentu, yang mana lebih rendah

Contoh 1: Premis kediaman dihuni tanpa dikongsi dengan pekerja lain

- Pendapatan kasar penggajian *	RM150,000	(T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan	12 bulan	(n)
- Tempoh penggajian dalam tahun semasa	12 bulan	(m)
- Kadar bulanan premis kediaman	RM2,000 sebulan	
- Nilai tertentu [2,000 x 12 bulan (m)]	RM24,000	(F)

Pengiraan Nilai Premis Kediaman:

	= 30%	x	T	}	yang mana lebih rendah
	= 30/100	x	150,000		
	= RM45,000				
ATAU	= F				
	= RM24,000				
Nilai premis kediaman (Z)	= RM24,000	x	n/m		
	= RM24,000	x	12/12		
	= RM24,000				

Pendapatan kena cukai bagi manfaat nilai premis kediaman (Z) = RM24,000

(Pindahkan amaun Z ke ruang C Helaian Kerja HK-2)

Contoh 2: Berkongsi premis kediaman dengan seorang pekerja lain

- Pendapatan kasar penggajian *	RM150,000	(T)
- Tempoh penghunian yang diperuntukkan	9 bulan	(n)
- Tempoh penggajian dalam tahun semasa	9 bulan	(m)
- Kadar bulanan premis kediaman	RM3,000 sebulan	
- Berkongsi 2 orang:		
- bahagian diperuntukkan	1	(X)
- bahagian keseluruhan	2	(Y)
- Nilai tertentu [3,000 x 9 bulan (m)]	RM27,000	(F)

